

Headline	GELOMBANG BUNYI KESAN KETAHANAN POKOK		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	16 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26,27	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1392 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD HAFIZEE MOHD AROP	AdValue	RM 54,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 164,509



# GELOMBANG BUNYI KESAN KETAHANAN POKOK

■ **Teknologi terkini nilai kesihatan, tahap bahaya hujan-hujan**

**Mohd Hafizee Mohd Arop**  
hafizee@hmetro.com.my

## Taiping

**B**agi mengetahui kekuatan dan keteguhan pokok Samanea Saman atau hujan-hujan di sekitar Taman Tasik Taiping, Majlis Perbadanan Taiping (MPT) mengambil pendekatan untuk menggunakan teknologi terkini yang dikenali sebagai Picus Sonic Tomograph System.

Picus Sonic Tomograph alat menilai kerosakan dalam pokok yang digunakan di negara maju untuk melihat ciri dalaman pokok dan menilai kesihatan serta tahap bahaya pokok.

Difahamkan, MPT menjalankan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang membeli alat teknologi berkenaan yang mampu mengesan bahagian kayu hidup dan reput di dalam pokok melalui gelombang bunyi.

Namun, kerja pengesan menggunakan alat berkenaan hanya boleh dilakukan selepas alat itu kembali diperoleh FRIM kerana ia dalam proses pembaikan di Jerman.

Yang Dipertua MPT Datuk Abd Rahim Md Arif berkata, alat berkenaan dijangka digunakan bagi mengesan bahagian kayu hidup dan reput di dalam pokok hujan-hujan, sekali gus membolehkan MPT mengetahui tahap pokok berkenaan.

Katanya, buat kali pertama, pihaknya hanya menggunakan kaedah pengesan itu terhadap 40 pokok dengan kos dianggarkan RM500 bagi setiap pokok bagi menilai tahap pokok berkenaan.

“Apabila kami sudah kesan tahap dalaman pokok ini, kami boleh mengetahui jangka hayatnya dan boleh bersiap sedia gunakan kaedah lain bagi mengekalkan spesies pokok ini yang

menjadi ikon taman tasik ini.

“Selepas alat ini siap dibaiki, kami akan menggunakan selepas sudah memeritahu FRIM untuk menggunakan alat itu dan kos menggunakan peruntukan diberikan kerajaan negeri,” katanya.

Abd Rahim berkata, selain itu, pokok hujan-hujan dan beberapa jenis lain di sekitar kawasan taman tasik ini juga terdedah kepada masalah anai-anai menyebabkan pihaknya turut meng-

gunakan beberapa kaedah untuk mengatas masalah itu.

Katanya, kakitangan MPT di Bahagian Landskap sudah menjalankan kerja membuat lubang di setiap pokok berkenaan dan menabur serbuk kayu bagi memerangkap serangga berkenaan dan kaedah itu dilihat membantu daripada masalah anai-anai.

Headline	GELOMBANG BUNYI KESAN KETAHANAN POKOK		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	16 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26,27	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1392 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD HAFIZEE MOHD AROP	AdValue	RM 54,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 164,509

## Bukan mudah kekalkan keindahan taman

**Taiping:** Penyeliaan Taman Tasik Taiping bukan tugas mudah kerana pelbagai aspek perlu dilakukan bagi memastikan kawasan tasik itu berada dalam keadaan baik termasuk aspek kebersihan selain penjagaan spesies flora yang terdapat di sekitarnya.

Ketua Unit Taman Tasik Majlis Perbandaran Taiping (MPT) Samsuddin Abd Rahman berkata, kakitangan di unit berkenaan akan menjalankan pekerjaan untuk memastikan tidak terdapat sampah di dalam tasik setiap hari.

Katanya, sikap pengunjung yang masih tidak sensitif terhadap alam sekitar di tasik itu menyebabkan terdapat sampah di dalam tasik berkenaan dan tugas untuk mengutip sampah di tengah tasik terpaksa dilakukan



**Kami sentiasa peka terhadap pelbagai aspek yang dititikberatkan dalam penjagaan flora di sekitar kawasan ini kerana ia merupakan daya tarikan utama taman tasik ini”**

Mior Rösl Abdullah

menggunakan sampan.

Menurutnya, dari aspek penjagaan flora pula, kakitangan unit berkenaan akan memastikan tiada dahan kering yang berbahaya kepada pengunjung dengan memotongnya serta perlu melakukan rondaan di sekitar taman tasik itu bagi memastikan ia berada pada tahap terbaik.

“Kawasan ini menjadi tumpuan dan tanggungjawab diamanahkan MPT kepada kita sebagai kakitangan akan dijalankan dengan baik bagi memastikan aspek kebersihan dan keselamatan di taman tasik ini terjaga.


“Kebersihan akan dititikberatkan dan lokasi ini juga menjadi tempat untuk keluarga bersantai termasuk berkelah dan makan di tepi tasik, justeru itu sampah sarap perlu sentiasa dijaga,” katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Landskap MPT, Mior Rösl Abdullah berkata, kakitangan di Unit Taman Tasik akan menjalankan kerja-kerja menjaga kawasan tasik berkenaan.


Katanya, pembersihan parasit di atas pokok terutamanya pokok hujan-hujan turut dijalankan bagi membolehkan tiada unsur perosak di atas pokok berkenaan yang boleh menjejaskan strukturnya.

“Kami sentiasa peka terhadap pelbagai aspek yang dititikberatkan dalam penjagaan flora di sekitar kawasan taman tasik ini kerana ia merupakan daya tarikan utama taman tasik ini,” katanya.

Headline	GELOMBANG BUNYI KESAN KETAHANAN POKOK		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	16 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26,27	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1392 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD HAFIZEE MOHD AROP	AdValue	RM 54,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 164,509



TEKNOLOGI terkini yang dikenali sebagai Picus Sonic Tomograph System.



KERJA transplan pokok hujan-hujan yang dijalankan dengan teliti dari Kamunting ke Taman Tasik Taiping.

Headline	GELOMBANG BUNYI KESAN KETAHANAN POKOK		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	16 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26,27	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1392 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD HAFIZEE MOHD AROP	AdValue	RM 54,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 164,509

